

18/12/2003

Media perlu elak jadi alat menghasut

PETALING JAYA: Media tidak sepatutnya menjadi alat untuk mengembangkan fahaman `kewartawanan benci' (hate journalism) yang boleh membawa kebencian melampau terhadap sesuatu kaum atau ahli politik.

Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata cara pemberitaan sedemikian akan menyebabkan keadaan huru-hara dan bercelaru kerana pihak yang berkepentingan dapat merasuk dan menokok tambah tabiat buruk dengan mudah.

"Kewartawanan benci yang dibimbangi ini berkait rapat dengan liputan berita yang membabitkan isu agama, bangsa, keturunan dan budaya serta kadang-kala politik," katanya pada majlis Malam Kewartawanan Malaysia anjuran Institut Akhbar Malaysia (IAM) di sini, malam tadi.

Turut hadir, Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin; Pengerusi IAM, Datuk Ahmad A Talib; Pengurus Besar Bernama, Datuk Syed Jamil Syed Jaafar dan Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Hishamuddin Aun.

Khalid berkata, kewartawanan benci yang lebih cenderung diamalkan di Barat itu berbahaya serta tidak boleh dibiarkan menular di negara ini.

Katanya, kebebasan media tertakluk kepada beberapa perkara, termasuk tanggung jawab sosial, dan perlu dipraktikkan dengan penuh rasa tanggung jawab.

"Media jangan mudah tersasar daripada landasan tanggung jawab sosial apabila membicारा atau melaporkan sesuatu isu.

"Landasan yang menjadi teras kepada prinsip tanggungjawab sosial ini amat jelas dan praktikal sehingga apabila media tersasar atau sengaja tersasar, agenda tersembunyi mereka dapat dikesan dengan mudah," katanya.

Khalil berkata, media tidak sepatutnya mempunyai agenda tersembunyi selain daripada berkhidmat untuk kepentingan negara dan rakyatnya.

Mengenai kebebasan media yang diamalkan di negara ini, katanya, Malaysia memang mengamalkan perkara berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, kepercayaan Barat mengenai kebebasan akhbar adalah mitos yang direka pihak yang mempunyai kepentingan diri.

"Dalam hal ini, saya sependapat dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa kebebasan mutlak untuk media tidak wujud walau di negara mana sekalipun," katanya.